



KETUA SETIAUSAHA
 SECRETARY GENERAL
 Kementerian Pendidikan Malaysia
 Ministry of Education Malaysia
 Arah 6, Blok E13
 Kompleks E
 Pusat Parliamenter Kerajaan Persekutuan
 62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8921 6071
 Faks: 03-8921 6124
 Laman Web: www.moe.gov.my

27

Ruj. Kami : KPM.BT800-1/18 Jld. 2(27)

Tarikh : 5 Julai 2013

Semua Naib Canselor
 Institusi Pengajian Tinggi Awam
 (Senarai seperti di Lampiran)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato' /Prof. Dr.

**PELAKSANAAN POTONGAN GAJI TERHADAP PEMECAH
 KONTRAK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA YANG
 BERKHIDMAT DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Prof. Dr, berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), hampir 40 peratus daripada pemegang biasiswa KPM yang terdiri daripada pelajar dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan enggan berkhidmat di KPM dan sedang berkhidmat sebagai pensyarah di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) selepas menamatkan pengajian. Berdasarkan perjanjian yang ditandatangani, mereka dikehendaki membayar ganti rugi mungkir perjanjian mengikut jumlah seperti yang dinyatakan dalam perjanjian.

3. Mesyuarat Khas Penyelarasan Dasar Pemindahan Kontrak ke IPTA Bagi Pemegang Biasiswa KPM pada 1 September 2009 telah memutuskan bahawa pihak universiti perlu membayar kos biasiswa secara sekaligus (*lump sum*) bagi membolehkan pemegang biasiswa KPM berkhidmat di universiti berkenaan. Susulan daripada itu, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi telah mengeluarkan surat siaran kepada semua IPTA bertarikh 12 November 2009 dengan menyatakannya.

PELAKSANAAN POTONGAN GAJI TERHADAP PEMECAH KONTRAK KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA YANG BERKHIDMAT DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM

"... pihak KPM telah memutuskan supaya mana-mana IPTA yang hendak melantik pelajar/pegawai yang terlibat, maka IPTA perlu membayar ganti rugi kepada KPM bersamaan dengan jumlah ganti rugi yang dinyatakan dalam perjanjian di antara pelajar/pegawai dengan KPM atau apa-apa jumlah yang ditetapkan oleh KPM (jika layak mendapat pengurangan ganti rugi)".

4. Walau bagaimanapun, sekiranya pihak universiti tidak bersedia membayar ganti rugi bagi pihak pelajar/pegawai, adalah menjadi tanggungjawab pelajar/pegawai sendiri untuk membayar ganti rugi tersebut. Bagi kes-kes seumpama ini, KPM memohon jasa baik pihak YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Prof. Dr. untuk melaksanakan potongan gaji terhadap pelajar/pegawai tersebut berdasarkan jadual bayaran ansuran bulanan yang ditetapkan.

5. Pelaksanaan potongan gaji ini bertujuan untuk memastikan pelajar/pegawai membuat bayaran secara konsisten, menyelesaikan bayaran dalam tempoh yang ditetapkan, mengurangkan tunggakan ganti rugi di KPM serta meningkatkan hasil negara. Pada masa yang sama, pelajar/pegawai berkenaan boleh membuat bayaran melalui kaedah lain untuk menyelesaikan bayaran dalam tempoh yang lebih singkat.

6. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Prof. Dr. dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DATUK DR. MADINAH BINTI MOHAMAD
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

SULIT

PELAKSANAAN POTONGAN CAJI TERHADAP PEMECAH KONTRAK KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA YANG BERKHIDMAT DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM

s.k.

YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang
Ketua Setiausaha II
Pejabat Ketua Setiausaha II
Aras 17, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA